

Taktik kotor terbaru

Oleh ZAINI HASSAN

Ui., 25 NOV 1999

Analisis BERITA

PIHAK pembangkang nampaknya sedang menggunakan pelbagai taktik kotor untuk memancing undi. Yang terbaru ialah sepucuk surat yang kononnya ditulis oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri Israel, Ehud Barak untuk meminta negara tersebut menyalurkan bantuan kewangan bagi membiayai pilihan raya Barisan Nasional (BN).

Surat itu bukan sahaja diadudombakan "dengan gahnya" melalui rangkaian Internet yang dikuasai oleh puak-puak ekstremis negara, tetapi juga disebar di jalanan, kepada orang kampung dan sesiapa sahaja.

Orang yang membuat kerja ini beranggapan masyarakat terlalu bodoh atau cuba dibodohkan dengan surat sedemikian rupa.

Mereka mahu rakyat memangkah mereka dengan kepercayaan bahawa surat itu benar, hanya kerana tidak mampu menandingi barisan kerajaan yang telah terbukti hasilnya.

Sesiapa sahaja yang membaca surat ini pasti akan ketawa besar apabila cara penulisan yang direka-reka itu menunjukkan bahawa penulisnya mempunyai kemahiran penulisan "surat rasmi" yang terlalu rendah - atau di tahap sekolah menengah sahaja.

Wahai, orang di sana jika mahu menipu pun biarlah profesional!

Kesalahan yang terlalu nyata pada surat itu ialah apabila kepala surat itu ditulis alamat pejabat Perdana Menteri terletak di West Block, Level 3. Sedangkan pejabat Perdana Menteri ialah di Level 5. Nampak sangat surat itu dibuat secara semberono, dan kita percaya ia dilakukan dengan tergopoh-gapah.

"Hanya 'hantu' saja duduk di tingkat 3 itu. Tiada sesiapa di situ, cuma bilik mesyuarat saja ada," kata seorang rakan di Putrajaya.

Begitu juga, mengikut amalan biasa surat rasmi kerajaan, jarang kita melihat surat itu dibuat 'salinan kepada'. Apatah lagi jika isi kandungannya seperti yang direka-reka itu! Tapi, lucunya di dalam surat kepada Perdana Menteri Israel ini ada pula salinan kepada (c.c) Duta Malaysia di Amerika Syarikat.

Takkanlah, Dr. Mahathir mahu c.c pula surat ini kepada pak duta.

Buatlah bagi logik sikit.

pembangkang pancing undi

Menurut rakan di Wisma Putra, mana pernah surat seperti itu dibuat salinan.

"Tak pernah terjadi dalam sejarah..." katanya sambil ketawa besar apabila ditanya apakah itu caranya menulis surat rasmi kerajaan. Sudahlah itu, katanya tatabahasa (grammar) Inggeris kepada salinan itupun salah.

Surat itu, dipercayai dilakukan oleh sebuah parti pembangkang yang sebelum ini hingar-bingar apabila Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar bertemu dengan rakan sejawatannya dari Israel, David Levy semasa mereka menghadiri Perhimpunan Agung, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tempoh hari.

Pengumpulan

Andaian yang mengatakan ia dibuat oleh parti itu dikuatkan lagi apabila di bahagian atas surat itu tertulis "Haram hukumnya mengundi Barisan Nasional".

Umum semuanya sudah mengetahui bahawa pertemuan Syed Hamid itu bukannya mahu "membincangkan pengumpulan dana untuk parti BN" seperti yang direka itu, tetapi membincangkan mengenai nasib rakyat Palestin. Ini telah pun disahkan sendiri oleh pemimpin Palestin, Yasser Arafat semasa singgah di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Jika mahu menipu pun, tolonglah periksa fakta dulu.

Pegawai Wisma Putra itu berkata, takkanlah semua mahu kaitkan dengan Israel. Mentang-menteng Israel itu Yahudi...semua mahu dikaitkan dengan kerajaan, dengan hajat supaya orang naik marah. Cetek sangat fikiran!

Selain surat di atas, wujud juga satu lagi surat yang kononnya datangnya dari Setiausaha Agung UMNO bertajuk "Peningkatan Jentera Pilihanraya."

Surat ini nampaknya telah diubahsuai dan direka-reka menunjukkan seolah-olah jentera pilihan raya BN tidak bergerak.

Ini semua adalah permainan politik yang berlaku pada setiap kali pilihan raya.

Walaupun, bukanlah tujuan kita mahu mengulas mengenai surat 'sampah' seperti ini tetapi sekadar mahu menjelaskan kepada orang ramai supaya kita semua boleh berfikir secara lojik.

Undi kita semua bukan berdasarkan kepercayaan terhadap surat yang direka oleh budak hingusan, tetapi atas hakikat apa yang dicapai oleh agama, bangsa dan negara, yang kita percaya turut dinikmati juga oleh penyedar dan seluruh ahli keluarga penyedar fitnah itu!